



buletin Selangangku Sayang

DITERBITKAN OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SELANGOR
NASKAH PERCUMA

WWW.MPS.GOV.MY

EDISI
JAN - APR 2020

01/20



PENULARAN WABAK COVID-19

TERIMA KASIH FRONTLINER



03

MPS Lancar Tema Perbandaran
Lestari Bagi Tahun 2020



12

Program Kebun
Komuniti & *Edible*
Garden



15

Perintah Kawalan
Pergerakan
(aktiviti-aktiviti MPS)



@mpselayang



@mpselayang



@mpselayang

DARI MEJA YDP

BIL 1/2020 JAN - APR



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBrs. Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor ydp@mps.gov.my
YBhg. Dato' Dr. Juhari B. Ahmad tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin B. Masoad mzin.masoad@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi B. Ishak ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

PENGARANG

Cik. Nuratikah Hanim Bt. Mohd Sakri nuratikahanim.msakri@mps.gov.my
Pn. Norhatikah Nabila Bt. Masri norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
Pn. Norhasliza Bt. Hassan norhasliza.hassan@mps.gov.my
Pn. Noraswalzha Bt. Ibrahim noraswalzha.ibrahim@mps.gov.my
Pn. Siti Maisarah Bt. Abd. Rahman sitimaisharah.abrahman@mps.gov.my
En. Elley Roulzee B. Ahmad Samsuddin elleyroulzee.asamsuddin@mps.gov.my

PEREKA LETAK

En. Mohd Afzairis B. Naseri mafzairis.naseri@mps.gov.my
En. Muhamad Amirul Hafiz B. Mohamed Jazman mamirulhafiz.mjazman@mps.gov.my

JURUFOTO

Pn. Anissapinah Bt. Mohd Dan anissapinah.mohddan@mps.gov.my
En. Mohamad Khairun B. Roslan mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 Fax: 03 6138 2728
E-mel: aduanmps@mps.gov.my
Tollfree: 1800-222-677

Assalamualaikum w.b.t, dan Selamat Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana telah memberi keizinan kepada kita untuk melangkah ke tahun baru ini. Tahun 2019 telah pun melabuhkan tirainya. Saya berdoa agar tahun 2020 ini akan lebih bermanfaat serta menjadi lembaran baru buat seluruh warga MPS amnya. Sedar tak sedar, tahun 2019 berlalu dengan pantas meski pun banyak cabaran dan dugaan telah pun kita lalui. MPS juga telah melangkah jauh untuk meneruskan agenda yang telah ditetapkan.

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga MPS yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2019. Sesungguhnya warga MPS mempunyai komitmen yang amat tinggi dalam melaksanakan tugas terutamanya dalam melaksanakan semua aktiviti dan program MPS dengan jayanya. TAHNIAH diucapkan !

Oleh itu, saya berharap pada tahun 2020 ini kita dapat meningkatkan lagi mutu kualiti perkhidmatan MPS dan marilah kita bersama-sama menyumbang tenaga dan idea dalam memajukan MPS ke peringkat antarabangsa. Saya bukan ingin bercakap kosong namun biarlah matlamat yang ingin dicapai dan sasaran kita tinggi agar kita semua berusaha untuk mencapai ke arah matlamat yang ditetapkan.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan "Selamat Menyambut Tahun Baru 2020".

Sekian, terima kasih.

(YBRS. TUAN HAJI SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN MOHD NOOR)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang



MPS LANCAR TEMA PERBANDARAN LESTARI DAN PELAN TINDAKAN RENDAH KARBON BAGI TAHUN 2020

BAGI meningkatkan kualiti dan kesejahteraan penduduk di Perbandaran Selayang, MPS telah melancarkan tema "Perbandaran Lestari" bagi tahun 2020 dan juga pelancaran Buku Pelan Tindakan Rendah Karbon MPS pada Perhimpunan Tahun Baharu 2020 yang telah diadakan pada 6 Januari 2020.

Majlis pelancaran di Lobi Menara MPS ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha

Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, Yang Dipertua MPS dan dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis, pengarah-pengarah jabatan dan kakitangan MPS.

Dalam ucapan perasmianya, beliau telah menyampaikan amanat dengan mengingatkan kepada seluruh warga MPS agar dapat memikul tanggungjawab dengan baik dalam melaksanakan agenda Bandar Rendah Karbon dan Bangunan

Cekap Tenaga MPS serta sentiasa fokus terhadap komitmen masing-masing bagi meningkatkan kualiti dan kesejahteraan penduduk di Perbandaran Selayang.

Dalam majlis ini, turut diadakan juga acara penyampaian sijil penghargaan kepada 15 orang kakitangan MPS yang telah menerima pengurniaan Pingat dan Darjah Kebesaran Negeri Selangor pada 2017 dan 2018.



INOVASI

PENILAIAN PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) MPS TAHUN 2020 MPS TERIMA ANUGERAH CEMERLANG

MPS telah menerima kunjungan daripada panel penilai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) MPS tahun 2020 pada 26 Februari 2020 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS. Seramai 11 orang panel penilai yang diketuai oleh Encik Jol Bin Jamil telah hadir untuk membuat penilaian mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Penilaian ini bertujuan untuk mengukur prestasi serta memantau pelaksanaan program dan pengurusan sesebuah organisasi. Dalam sesi Exit Conference selepas pengauditan dilaksanakan, panel penilai telah memberikan maklumbalas positif.



BENGKEL PENAMBAHBAIKAN ISO 9001:2015 MPS SEMAK DAN KEMASKINI PROSEDUR



SATU Bengkel Penambahbaikan dan Keperluan Penambahan Skop/Prosedur ISO 9001:2015 telah diadakan pada 28 hingga 30 Januari 2020 bertempat di Palm Garden Hotel, Putrajaya dengan melibatkan seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada pengurusan tertinggi, ketua-ketua skop, ahli dokumentasi dan urusetia program ISO.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mengemaskini prosedur sedia ada dan membangunkan prosedur baru selaras dengan keperluan terkini MPS bagi memastikan prosedur ISO lebih efektif dan berkesan sekaligus dapat memberikan impak yang positif kepada organisasi serta pelanggan di MPS.

SEMAKAN DOKUMEN DAN PENILAIAN KENDIRI PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) MPS TAHUN 2020

UNTUK memastikan MPS bersedia menerima Lawatan Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC), Jabatan Audit Dalam MPS telah pun mengadakan semakan dokumen pada 6 Februari 2020. Tujuan semakan ini diadakan adalah untuk memastikan semua jabatan bersedia dengan melengkapkan penyediaan dokumen mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh panel penilai APPC.

Seterusnya, pada 13 Februari 2020, satu penilaian sendiri APPC telah diadakan di Dewan Keraian, Tingkat 8, MPS. Penilaian sendiri ini adalah merupakan syarat pelaksanaan dari pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) bagi memastikan setiap jabatan atau agensi bersedia menghadapi Lawatan APPC tahun 2020. Pelaporan Penilaian Kendiri ini juga telah dihantar ke SUK untuk tujuan semakan oleh panel penilai APPC.



KURSUS BELANJAWAN DAN PENGURUSAN BAYARAN MPS TAHUN 2020 **BERI KEFAHAMAN MENGENAI KELULUSAN BELANJAWAN**

KURSUS Belanjawan dan Pengurusan Bayaran MPS tahun 2020 telah diadakan pada 20 hingga 22 Januari 2020 bertempat di Bilik Keraian, Menara MPS. Kursus yang berlangsung selama tiga hari ini melibatkan pengarah dan wakil jabatan bertujuan untuk memberi pengetahuan dalam penyediaan dan pengurusan bayaran serta garis panduan berhubung kelulusan belanjawan.



PROGRAM PEMANTAPAN KAWALAN HAIWAN LIAR **MPS BERI LATIHAN PENANGKAPAN ANJING KEPADA PBT SELANGOR**



PIHAK Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bersama Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesihatan (JPSPK) MPS telah mengadakan Program Pemantapan Kawalan Haiwan Liar kepada petugas-petugas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor pada 5 Mac 2020.

Dalam program ini, telah diadakan sesi taklimat bagi memberi pendedahan kepada para petugas mengenai aktiviti tangkapan anjing liar dan cara-cara mengurangkan risiko kecederaan kepada haiwan dan petugas apabila berada di lapangan dan seterusnya para petugas dibawa ke lokasi praktikal di Kampung Orang Asli Batu 8, Gombak.

CERAMAH KESEDARAN MENGENAI BAHAYA RASUAH BERSAMA SPRM

BAGI memupuk kesedaran tentang bahayanya rasuah dalam kalangan penjawat awam, Unit Integriti MPS telah mengadakan Program Ceramah bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 23 Januari 2020 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS. Ceramah ini telah disampaikan oleh Tuan Mohamad Nor Hisham Bin Abd Rafar, Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Selangor kepada 60 orang kakitangan MPS.



KURSUS KOMPETENSI - 25 AHLI AKRAB PELAJARI KEMAHIRAN PSIKOLOGI

SERAMAI 25 orang ahli AKRAB MPS telah menghadiri Kursus Kompetensi yang diadakan pada 6 hingga 7 Mac 2020 bertempat di Taman Rimba Bukit Lagong.

Kursus ini telah disampaikan oleh Puan Hazurita binti Hasan, Pegawai Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK Selangor yang memberi pendedahan untuk mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan ahli AKRAB untuk pelaksanaan sesi bimbingan individu dan sesi bimbingan kelompok.

Selain itu juga, beliau turut menerangkan mengenai teknik meningkatkan kemahiran berkaitan psikologi dan memantapkan peranan AKRAB dalam organisasi MPS.



KUNJUNG HORMAT REHDA DAN TNB KUKUH HUBUNGAN ERAT BERSAMA MPS

MPS telah menerima kunjungan hormat oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) cawangan Selangor yang diketuai oleh Encik Michael Fu pada 6 Januari 2020 bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS pada jam 10.30 pagi. Tuan YDP kemudian telah menerima kunjungan hormat dari Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad Cawangan Kuala Lumpur, Tuan Ir. Appadurai Sivasan.

Kedua-dua kunjungan hormat ini memberi ruang kepada MPS untuk bertukar-tukar pendapat serta membincangkan perkara-perkara berbangkit antara REHDA serta TNB.



SESI RAMAH MESRA JAKPAS BERSAMA YDP MPS

MPS telah menerima kunjungan hormat daripada Jawatankuasa Pendukung Angkatan Sukarelawan Persekutuan Negeri Selangor (JAKPAS) daripada Kem Sungai Buloh yang diketuai oleh Brigedier Jeneral Tuan Norsham Bin Md Tap, Panglima Markas Briged Ke-11 Infantri Malaysia pada 4 Mac 2020 bertempat di Pejabat YDP, Menara MPS.

Dalam kunjungan selama dua jam itu, pelbagai perkara berkaitan hal pentadbiran dan isu semasa telah dibincangkan. Tujuan utama kunjungan hormat JAKPAS ke MPS adalah untuk mengeratkan silaturahim dan bersua kenal dengan Tuan YDP MPS.



LAWATAN ANULAE CAWANGAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

MPS KONGSI PENGALAMAN

ANULAE Cawangan MPS telah menerima kunjungan daripada ANULAE cawangan MB Seberang Perai pada 14 Februari 2020 bertempat di Bilik Anggerik, Tingkat 9, Menara MPS. Kunjungan ini telah dihadiri seramai 16 orang yang diketuai oleh Yang Berusaha Encik Mohd Tahir Bin Othman, Pengerusi ANULAE cawangan MB Seberang Perai.

Antara pengisian lawatan ini ialah taklimat mengenai MPS yang disampaikan oleh Encik Ahmad Fauzi Bin Ishak, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat MPS dan taklimat mengenai ANULAE Cawangan MPS yang disampaikan oleh Pengerusi ANULAE Cawangan MPS.



'JASA DIKENANG BUDI DISANJUNG' 2019 MPS SANTUNI 13 ORANG PESARA

BAGI menghargai jasa dan khidmat bakti para pesara, ANULAE Cawangan MPS telah mengadakan Majlis 'Jasa Dikenang, Budi Disanjung' bagi meraikan para pesara MPS tahun 2019 yang berlangsung pada 30 Januari 2020 bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis penghargaan ini telah dihadiri

oleh Yang Berusaha Tuan Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor, Tuan YDP MPS, Yang Berbahagia Dato' Dr. Juhari bin Ahmad, Timbalan YDP MPS dan pengarah-pengarah jabatan.

Seramai 13 orang pesara tahun 2019 telah

diraikan dan 50 orang pesara MPS 2018 turut dijemput bersama di majlis minum petang ini. Majlis ini diakhiri dengan sesi penyampaian saguhati penghargaan kepada para pesara 2019, tayangan montaj khas dan persembahan daripada Kumpulan D'Xoras MPS.



PROGRAM DERMA DARAH ANJURAN ANULAE BERSAMA PUSAT DARAH NEGARA TINGKAT KESEDARAN DAN BANTU KURANGKAN MASALAH KEKURANGAN TABUNG DARAH

PROGRAM Derma Darah anjuran ANULAE cawangan MPS dan Pusat Darah Negara telah diadakan pada 26 Februari 2020 bertempat di Lobi Menara MPS. Seramai 120 orang kakitangan MPS telah berpeluang menderma darah bagi membantu pembekalan darah untuk tabung Pusat Darah Negara.



PROGRAM 3K (KEBERSIHAN, KESIHATAN DAN KELESTARIAN)

MPS PUPUK AMALAN KELESTARIAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH

BAGI mendidik generasi muda tentang kepentingan penjagaan alam sekitar seterusnya meningkatkan tahap kesedaran warga sekolah dalam amalan kelestarian, MPS telah mengadakan Kempen 3K di dua buah sekolah iaitu SK Setia Budi dan SMK Rawang pada 20 Februari 2020. Antara pengisian aktiviti menarik yang diadakan adalah sesi kuiz soal jawab, penyerahan kit denggi kepada guru sekolah, pameran bahaya denggi dan kitar semula.



PROGRAM JELAJAH KASIH MENTERI BESAR SELANGOR

YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR SANTUNI MASYARAKAT SELAYANG

YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Dato' Bin Mohd Noor, YDP MPS, Yang Berbahagia : DUN Sungai Tua. Pada siri Jelajah Kasih Menteri Besar Selangor telah hadir : Dato' Amirul Azizan Bin Abd Rahim, Pegawai : Yang Amat Berhormat Dato' Menteri menyantuni warga Selayang sempena : Daerah Gombak, Yang Berbahagia Datin : Besar Selangor ini, beliau berkesempatan Tahun Baru Cina di DUN Sungai Tua : Sharifah Salmah Bt Syed Agil, Ahli Majlis : menyampaikan sumbangan buah limau pada 24 Januari 2020. Turut hadir, Yang : MPS dan Yang Berusaha Tuan A. Rahim bin : Mandarin kepada peniaga di Pasar Selayang Berusaha Tuan Shamsul Shahril Badliza : Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik Kawasan : Baru.



MAJLIS PENYERAHAN NOTIS BORANG 5A DAN SEHARI BERSAMA DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

PEJABAT Tanah dan Daerah Gombak : Negeri Rawang, Yang Berusaha Tuan A. : Dalam majlis ini, seramai 38 orang penerima (PTDG) telah mengadakan Majlis : Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik : di Kampung India Settlement, Gombak Penyerahan Notis 5A di Balai Penghulu : DUN Sungai Tua, Yang Berbahagia Dato' : telah menerima notis 5A. Dalam majlis yang Mukim Batu, Jalan Sungai Tua pada : Amirul Azizan bin Abd Rahim, Pegawai : sama juga, turut diadakan Program Sehari 21 Februari 2020. : Daerah, Pejabat Tanah dan Daerah : Bersama Dato' Menteri Besar Selangor di mana beliau telah bertemu rakyat dalam mendengar masalah yang dihadapi oleh masyarakat melibatkan isu tanah dan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Majlis ini telah dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, Yang Berhormat Tuan Chua Wei Kiat, Ahli Dewan



SAMBUTAN THAIPUSAM 2020

MPS KUTIP RM51 RIBU HASIL JUALAN PERMIT NIAGA

MPS telah mengadakan jualan permit niaga sempena perayaan Thaipusam di Dewan Beringin, Taman Sri Gombak pada 30 Januari 2020. Untuk tahun ini, sebanyak 302 petak telah disediakan dan kadar caj yang dikenakan adalah sebanyak RM150.00 untuk perniagaan am, RM200.00 bagi aktiviti gunting rambut, RM500.00 untuk hotspot perniagaan am dan RM600.00 untuk hotspot gunting rambut.

Secara keseluruhannya, MPS berjaya mengutip sebanyak RM51,855.00 yang merangkumi jualan pada hari undian, kutipan di tapak dan kutipan lain-lain.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR SUMBANG RM315 RIBU KEPADA 30 BUAH KUIL



SAMBUTAN Thaipusam Peringkat Negeri Selangor telah diadakan pada 8 Februari 2020 di Dataran Kuil Batu Caves. Pada sambutan tersebut, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah menyampaikan ucapan kepada semua penganut agama Hindu yang hadir.

Dalam ucapannya, beliau berkata sebagai rakyat negeri Selangor yang turut berkongsi kemeriahan sambutan istimewa ini, semua individu wajar menghayati signifikan kerohanian mengenai perayaan ini. Beliau juga turut mengumumkan untuk menyalurkan sumbangan sebanyak RM315,000 kepada 30 buah kuil di seluruh Selangor. Turut hadir sama ialah Yang Berusaha Tuan Shamsul Shahril Badliza, YDP MPS dan ahli-ahli majlis MPS.

PERHIMPUNAN BULANAN MPS

PERHIMPUNAN BULANAN PERINGKAT MPS BULAN FEBRUARI 2020

SEBAGAI menghargai komitmen kakitangan atas pencapaian terbaik hasil MPS bagi tahun 2019, satu acara penyerahan Cek Reward YDP MPS tahun 2019 telah diadakan. Penyerahan ini telah disampaikan oleh Yang Berusaha Tuan Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS kepada YBhg Dato' Dr. Juhari bin Ahmad, Timbalan YDP MPS mewakili seluruh kakitangan MPS.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN PERINGKAT MPS BULAN MAC 2020

JABATAN Perbendaharaan telah menjadi jabatan pertama sebagai hos untuk Perhimpunan Bulanan 2020. Pada majlis ini, Yang Berusaha Tuan Haji Adnan Bin Mat, Presiden CEUPACS, telah hadir menyampaikan taklimat mengenai "Cabaran Penjawat Awam Masa Kini" kepada warga MPS. Majlis diakhiri dengan Pelancaran Kaunter Bergerak MPS.



OPERASI

PIHAK TIDAK
BERTANGGUNGJAWAB
CABAR MPS

PENGHALANG DIUBAH SATU HARI SELEPAS DILETAKKAN

HANYA selepas satu hari MPS meletakkan penghalang di kawasan hotspot sampah haram di Jalan Sungai Tua Ulu Yam, MPS mendapati halangan tersebut telah pun dialihkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Insiden ini seolah-olah mencabar usaha untuk membanteras aktiviti pembuangan sampah haram di kawasan pentadbiran MPS.

Berdasarkan tindakan sebelum ini, pada 25 Februari 2020, MPS dengan bantuan Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Gombak telah menjalankan satu operasi dengan meletakkan sebanyak enam halangan konkrit di Jalan Sungai Tua - Ulu Yam di atas Lot 46244 yang didapati sering menjadi tempat pembuangan sampah oleh lori-lori sampah dan ro-ro haram. Tindakan ini adalah kali kedua dilaksanakan selepas halangan sebelum ini turut dialih dan dirosakkan. Operasi ini disertai oleh 13 anggota MPS bersama dengan 10 kakitangan JKR Gombak.



Imbas kod QR ini untuk maklumat lanjut tentang reward sampah haram di Buku Panduan Aduan MPS

14 PENJAJA HARAM DIKENAKAN TINDAKAN SITAAN DI PASAR BORONG SELAYANG

SEBANYAK 14 penjaja haram di sekitar Pasar Borong Selayang telah dikenakan tindakan sitaan oleh MPS dalam satu operasi khas bersepadu yang diadakan pada 13 Februari 2020. Operasi yang dilaksanakan bermula jam 10 pagi ini telah disertai lebih 90 orang anggota melibatkan Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Hasil pemeriksaan mendapati, daripada 14 penjaja yang telah dikenakan tindakan sitaan atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah, 5 penjaja didapati merupakan warga asing yang disyaki tidak memiliki dokumen yang sah. Tindakan sitaan ini dilaksanakan di bawah Seksyen 46(1)d Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Halangan Tred Perniagaan) selain mengikut prosedur operasi standard (SOP) serta peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh MPS dan agensi lain yang terlibat.



PENJAJA, PUSAT HIBURAN DAN RUMAH URUT TANPA LESEN DIKENA TINDAKAN SITA

MPS telah menyita 21 barangan melibatkan kerusi, meja lipat dan khemah penjaja di sekitar Medan Putri, Bandar Tasik Puteri, Rawang pada 15 Februari 2020 yang lalu. Tindakan ini diambil selepas tinjauan mendapati para peniaga sering meninggalkan barangan perniagaan di kawasan berkenaan sehingga menyebabkan kacau ganggu dan masalah kebersihan. Tindakan sitaan ini dibuat selaras dengan Seksyen 46(1)d di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (halangan Tred di tempat awam dengan meninggalkan barangan perniagaan).

Dalam operasi yang sama, MPS turut mengadakan operasi pusat hiburan dan rumah urut di Bandar Baru Rawang. Operasi besar-besaran ini dilaksanakan selepas MPS mendapati premis berkenaan beroperasi tanpa mendapat lesen yang sah. Operasi ini diketuai oleh Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS dan 70 anggota penguatkuasa serta pegawai dari Jabatan Pelesenan. Tindakan sitaan dibuat selaras dengan Seksyen 6 (1) Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1995. Dalam operasi ini, MPS telah menyita satu unit meja pool, dua set kayu snooker dan 36 unit bangku bar hitam.



DUA KILANG DIKENAKAN KOMPAUN RM1,000 LEPAS SISA KIMIA DALAM PARIT

DUA buah premis kilang di Taman Industri Integrasi Rawang telah diarahkan tutup dan dikenakan tindakan penarikan lesen serta kompaun sebanyak RM1,000.00 atas kesalahan membuat pelepasan sisa kimia (Efluen) ke dalam parit awam. Tindakan ini diambil setelah pihak MPS menjalankan operasi terhadap kedua-dua premis ini pada 20 Februari 2020.

Selain pelepasan sisa kimia ke dalam parit, hasil operasi juga mendapati kualiti air pada pelepasan akhir oleh kilang tersebut adalah pada bacaan pH2 iaitu dalam kategori berasid. Pihak MPS juga mendapati keadaan dinding di sekeliling kilang tersebut juga terhakis dan dikhuatiri akan menyebabkan runtuh dan memberi kesan kepada kilang-kilang bersebelahan. Kesemua tindakan ini diambil selaras dengan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.



16 GARAJ KERETA HARAM DIKENAKAN TINDAKAN ROBOH OLEH MPS

MPS telah menjalankan operasi halangan struktur atap (garaj kereta) di Lembah Hijau, Bandar Tasik Puteri, Rawang pada 23 Januari 2020. Operasi halangan ini dijalankan berdasarkan aduan yang diterima terhadap garaj-garaj kereta yang didirikan di kawasan tersebut yang telah menyebabkan halangan dan kacau ganggu kepada penduduk sekitar. Tindakan perobohan ini dilaksanakan lanjutan daripada keengganan pemilik mematuhi notis peringatan yang telah pun dikeluarkan pada 9 Disember 2019.

Pada operasi ini, MPS telah mengambil tindakan dengan meroboh 16 garaj kereta mengikut Seksyen 46 (1)a Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Operasi penguatkuasaan dan perobohan yang bermula pada jam 10.00 pagi ini melibatkan seramai 27 orang penguatkuasa dengan bantuan satu unit jentolak oleh Jabatan Kejuruteraan dan bantuan penyediaan tong roto oleh pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan.



PENIAGA ASING PASAR BORONG SELAYANG DISERBU

MPS telah melakukan serbuan ke atas kawasan seliaan MPS di Pasar Borong Selayang dalam satu operasi bersepadu yang diadakan pada 11 Mac 2020 yang lalu dengan melibatkan lebih 250 orang anggota dari MPS dan juga IPD Gombak.

Dalam serbuan tersebut, didapati kebanyakan peniaga warga asing ini menjalankan perniagaan di bahu jalan dan kawasan kaki lima tanpa permit yang sah. MPS juga mendapati beberapa peniaga tempatan telah meletakkan barang perniagaan di hadapan kedai mereka sehingga menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam dan trafik.

Atas kesalahan tersebut, MPS telah mengeluarkan 10 kompaun selain menyita hampir 170 bakul berisi pelbagai barang jualan. Kesemua tindakan ini diambil selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 46(1)d Akta Jalan Parit dan Bangunan dan Seksyen 3 Undang-Undang Kecil Penjaja.





Program KEBUN KOMUNITI & PERTANDINGAN "EDIBLE GARDEN"

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2019

PENJURIAN Pertandingan *Edible Garden* sempena Program Kebun Komuniti MPS 2020 telah dilaksanakan pada 18 Januari 2020. Seramai empat orang panel juri iaitu daripada pihak UPEN Negeri Selangor, Jabatan Pertanian Daerah Gombak dan pihak MPS telah membuat penjurian di lima kawasan kebun baru yang terlibat. Antara kebun komuniti yang menyertai pertandingan ini adalah Kampung Gombak

Utara (Zon 1), Kampung Changkat (Zon 3), Taman Samudera (Zon 5), Taman Selayang Jaya (Zon 12) dan Taman Desa Bukit Indah (Zon 21).

Selain itu juga, kategori penyelenggaraan kebun komuniti terbaik turut dipertandingkan dengan melibatkan kebun komuniti Taman Pinggiran Templer, Laman Rakyat Bandar Baru Selayang (Zon 11), Kampung Sungai

Tua Baharu (Zon 6) dan Dewan Taman Gombak (Zon 3).

Pertandingan yang diadakan pada setiap tahun ini bertujuan untuk mewujudkan pengurusan, perancangan serta penyelenggaraan aktiviti landskap yang lebih teratur selaras dengan konsep kejiranan hijau di samping dapat memupuk kerjasama di antara ahli-ahli kebun komuniti.



MAJLIS PERASMIAN PENUTUP KEBUN KOMUNITI & PERTANDINGAN *EDIBLE GARDEN* KEBUN KOMUNITI TAMAN SAMUDERA GOMBAK RANGKUL JUARA

MAJLIS Perasmian Penutup Kebun Komuniti dan Pertandingan *Edible Garden* yang telah dianjurkan pada 18 Januari 2020 merupakan salah satu pengisian program dalam Jawatankuasa Kerja Kejiranan Hijau di bawah Program Local Agenda 21 (LA21).

Majlis ini telah diadakan di Kebun Komuniti JKP Zon 5, Taman Samudera. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan

oleh Yang Berusaha Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS.

Pada majlis ini, MPS telah menyampaikan Anugerah Kebun Komuniti Terbaik 2019 kepada Kebun Komuniti Taman Samudera Gombak, diikuti dengan Kebun Komuniti Kampung Gombak Utara yang mendapat tempat kedua dan Kebun Komuniti Kampung Changkat di tempat ketiga.

Dalam pada itu, MPS turut memberi Anugerah Penyelenggaraan Kebun Komuniti Terbaik kepada Kebun Komuniti 2016 Laman Rakyat Bandar Baru Selayang (JKP Zon 11) yang mendapat tempat pertama manakala di tempat kedua pula dimenangi oleh Kebun Komuniti 2018 Kampung Sungai Tua Baharu (JKP Zon 6) yang mengekalkan pemeliharaan kebun komuniti dengan baik.



Imbas kod QR ini untuk melihat lebih banyak gambar Program kebun Komuniti & *Edible Garden*

PROGRAM BANTERAS DENGGI MAHASISWA UKM & PENDUDUK TAMAN SAMUDERA BANTERAS DENGGI

MPS bersama Universiti Kebangsaan Malaysia dan BASF Agricultural Solutions telah mengadakan Program Banteras Denggi di Surau Al-Izzah Taman Samudera pada 7 Mac 2020. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Mohd Zikry bin Zulkifli, Ketua Bahagian Perancangan dan Teknikal, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan (JPSPK) MPS dan turut hadir sama dalam program tersebut ialah YBhg. Prof. Dr. Hidayatulfathi Othman, Timbalan


Dekan UKM, Encik Saiful Azlan bin Nordin, wakil BASF dan Tuan Haji Wan Mohd Zukri bin Che Mat Zin, Pengerusi Surau Al Izzah.

Program yang bertujuan untuk memberi maklumat serta fakta menarik mengenai nyamuk Aedes dan cara mengatasi masalah denggi ini telah melibatkan penyertaan daripada 100 orang pelajar UKM dan penduduk Taman Samudera A Fasa 1 dalam menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan

pelbagai pertandingan menarik. Program ini telah mendapat sambutan dan kerjasama yang baik daripada penduduk.



Imbas kod QR ini
mengetahui info terkini
mengenai wabak denggi.



KEJOHANAN BOLING PIALA AHLI MAJLIS MPS ZON 9 "RAKAN KERJA SIHAT"

KEJOHANAN Boling Piala Ahli Majlis MPS Zon 9 telah diadakan pada 1 Februari 2020 bertempat di Wangsa Bowl, Selayang Mall. Kejohanan ini melibatkan pasukan dari JKP Zon 9, Majlis Perbandaran Selayang, IPD Gombak dan Pasukan Bomba Dan Penyelamat Daerah Gombak.

Kejohanan ini diadakan untuk mewujudkan "Rakan Kerja Sihat" di kalangan kakitangan agensi-agensi kerajaan melalui semangat kesukanan. Turut hadir sama menyertai kejohanan ini ialah Yang Berusaha Tuan Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS.



KEJOHANAN TENPIN BOLING SEMPENA HARI WANITA PERINGKAT MPS 2020 PUSPANITA GOMBAK RANGKUL JUARA

BERSEMPENA dengan sambutan Hari Wanita Sedunia, MPS telah menganjurkan Kejohanan Tenpin Boling Wanita pada 8 Mac 2020 bertempat di Wangsa Bowl, Selayang Mall. Kejohanan ini telah disertai oleh 30 pasukan terdiri daripada Ahli Majlis MPS, pengarah dan kakitangan wanita MPS, AJK Wanita Zon JKP MPS, PUSPANITA Daerah Gombak dan lain-lain lagi.

Dalam kejohanan ini, Pasukan PUSPANITA Daerah Gombak telah meraih kejuaraan manakala kategori individu dimenangi oleh Puan Norzimah Binti Mohamad Nor daripada pasukan AJK Wanita Zon 6 dengan jatuhan 558 pin.



TERIMA KASIH BARISAN HADAPAN

BERSAMA KITA PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19



PEMANTAUAN PEMATUHAN PKP FASA 1

BERDASARKAN kepada arahan pihak kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 untuk mengawal wabak Covid-19 yang bermula 18 Mac 2020, MPS telah melaksanakan aktiviti pemantauan ke atas seluruh premis-premis perniagaan di Selayang.

Pemantauan yang dilaksanakan oleh pasukan pemantau dari Jabatan Penguatkuasa MPS dan Jabatan Pelesenan MPS mendapati beberapa premis seperti

bengkel motosikal, kedai tayar, bengkel cuci kenderaan, gerai penjaja dan kilang masih lagi meneruskan operasi perniagaan seperti biasa. Sebagai tindakan, notis arahan dikeluarkan kepada para peniaga agar menutup premis perniagaan.

Selain itu, operasi pemantauan juga dilaksanakan ke atas pasaraya dan kedai-kedai runcit sekitar Selayang bagi memastikan arahan PKP dan juga SOP yang telah dikeluarkan oleh kerajaan dipatuhi.

Pemeriksaan telah dilakukan ke atas 1,091 premis perniagaan dan gerai penjaja di mana 24 premis telah diarahkan tutup, 250 peniaga diberikan notis amaran dan 470 peniaga telah diberikan amaran lisan. MPS juga telah memberi peringatan kepada pemilik pasar raya dan kedai runcit di seluruh Selayang untuk memastikan kawalan yang lebih ketat terutama dari segi jarak sosial dan kebersihan dilaksanakan.



YDP MPS TURUN PADANG PANTAU KAWASAN AWAM

SATU lawatan pemantauan pada 20 Mac 2020 telah diadakan oleh Tuan YDP ke beberapa kawasan di sekitar Selayang bagi meninjau tahap pematuan PKP oleh orang awam.

Kawasan pertama yang dilawati adalah Kolam Air Panas Selayang dimana didapati masih terdapat orang awam yang datang ke kawasan tersebut walaupun pihak kerajaan

telah memberi arahan penutupan kawasan-kawasan awam dan tidak membenarkan orang awam keluar dari rumah sepanjang tempoh PKP. Pemantauan diteruskan ke Pasar Selayang Jaya bagi memantau pematuan SOP oleh peniaga dan juga orang awam. Hasil pemantauan mendapati majoriti pengunjung dan peniaga mula mengamalkan langkah-langkah pencegahan dengan memakai pelitup muka serta

mengekalkan jarak satu meter antara satu sama lain.

Pengendali pasar juga telah mengambil langkah memasang pita keselamatan di sekeliling pasar bagi mengawal laluan masuk. Selain itu, pengambilan suhu dan kawalan jumlah pengunjung juga dilaksanakan bagi mengelakkan kesesakan di dalam kawasan pasar.



OPERASI BERSEPADU PEMANTAUAN PREMIS



PADA 1 April 2020, seramai 55 orang anggota termasuk Pegawai MPS bersama anggota PDRM dari Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak telah terbabit dalam satu operasi pemantauan premis bagi pematuhan sepanjang tempoh PKP Fasa 2. Operasi yang bermula pada jam 8 malam ini menyasarkan premis yang tidak mematuhi arahan PKP melibatkan kawasan di Bandar Baru Selayang, Sungai Tua, Kampung Laksamana, Pinggiran Batu Caves, Prima Gombak dan Pasar Borong KL.

Semasa rondaan dibuat, anggota Penguatkuasa MPS telah mengambil tindakan dengan menarik lesen sebuah kedai runcit kerana masih beroperasi selepas jam 8 malam. MPS juga turut mengambil tindakan terhadap sebuah kedai rokok elektronik kerana beroperasi tanpa lesen. Tangkapan juga telah dilakukan oleh pihak PDRM ke atas orang awam yang didapati mengingkari arahan PKP.

PETUGAS BARISAN HADAPAN MPS TERIMA SUMBANGAN PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI (PPE)

MPS telah menerima sumbangan kelengkapan perlindungan diri (PPE) oleh YB Tuan Muhammad Hilman Bin Idham, Ahli Dewan Negeri Gombak Setia kepada petugas barisan hadapan MPS untuk digunakan sewaktu melaksanakan operasi semburan disinfeksi di kawasan pentadbiran Selayang. Sumbangan ini telah diserahkan sendiri oleh beliau pada 7 April 2020 kepada YBhg. Dato' Dr. Juhari Ahmad, Timbalan YDP MPS di Bilik Gerakan Covid-19 MPS.



OPERASI PEMUTIHAN KAWASAN SEMPADAN DI PASAR BORONG SELAYANG

BERIKUTAN isu penahanan warga asing di kawasan Pasar Borong Selayang akibat penularan wabak Covid-19, seramai 90 orang anggota penguatkuasa dari MPS telah menyertai satu operasi bersepadu pembersihan dan sitaan ke atas barangan perniagaan yang telah ditinggalkan oleh penaja haram warga asing di tepi Pasar Borong Selayang pada 8 April 2020. Operasi yang diketuai oleh YBhg. Dato' Dr. Juhari Bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS turut melibatkan anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak dan wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.



ADN RAWANG SUMBANG GERBANG NYAH KUMAN

SEBAGAI tanda sokongan terhadap usaha MPS dalam mengawal penularan wabak Covid-19, YB Tuan Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Rawang telah berbesar hati menyumbang alat gerbang nyah kuman untuk digunakan di laluan masuk Pasar Moden Rawang pada 8 April 2020. Sumbangan ini bertujuan untuk memudahkan pihak MPS menjalankan kawalan kebersihan dan pematuhan arahan PKP ke atas orang ramai yang datang ke pasar bagi mencegah penularan wabak Covid-19.



KAWALAN DIPERKETAT DI PASAR AWAM MPS

MPS telah memperketatkan kawalan dan menempatkan tambahan anggota di seluruh pasar-pasar awam milik MPS bagi memastikan peraturan-peraturan yang ditetapkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 yang bermula pada 18 Mac 2020 dipatuhi oleh pengunjung. Anggota MPS telah melaksanakan pengambilan suhu dan penggunaan cecair disinfeksi kepada setiap pengunjung sebelum mereka dibenarkan masuk ke dalam pasar untuk melakukan pembelian. Untuk memudahkan kawalan, MPS hanya membuka satu akses kepada pengunjung dan meletakkan penanda di atas lantai untuk panduan jarak sosial.

Jumlah pengunjung yang dibenarkan masuk ke dalam pasar juga dihadkan dimana hanya seorang pengunjung untuk setiap keluarga dibenarkan melakukan pembelian. Bagi memastikan kebersihan tapak di pasar, pihak MPS juga telah melaksanakan kerja-kerja disinfeksi secara berkala. Setiap peniaga juga telah diminta untuk melakukan pembersihan di petak masing-masing setiap kali selepas perniagaan dijalankan.



MPS BANTU OPERASI NYAH KUMAN DI PANGSAPURI TUN TEJA RAWANG

MPS telah menyertai operasi sanitasi awam bersama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Selangor pada 12 April 2020 sebagai langkah membendung penularan wabak Covid-19 di Pangsapuri Tun Teja, Fasa 2 di Rawang. Operasi semburan nyah kuman ini dijalankan selama lebih enam jam membabitkan 550 unit rumah dan di taman awam yang menjadi tumpuan penduduk di pangsapuri tersebut. Operasi ini turut dibantu oleh Jabatan Perumahan Negara dan wakil persatuan penduduk pangsapuri. Secara keseluruhan, operasi ini telah berjaya dijalankan dan mendapat kerjasama yang baik daripada penduduk pangsapuri berkenaan.



KPKT HULUR SUMBANGAN DALAM TEMPOH PKP

MPS telah menerima sumbangan barangan keperluan makanan harian daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi satu projek bersama Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM) pada 22 April 2020 bagi membantu mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terjejas semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sumbangan ini telah diagihkan kepada setiap JKP Zon MPS untuk disampaikan kepada keluarga asnaf, golongan B40 dan golongan yang memerlukan.



MPS BANTU LOGISTIK POS KAWALAN KESELAMATAN

TUAN YDP MPS telah membuat lawatan ke atas lima pos kawalan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sempadan Pasar Borong Selangor pada 22 April 2020 bertujuan untuk melihat keperluan bantuan logistik yang diperlukan. Hasil lawatan, Tuan YDP bersetuju untuk membantu menyediakan tandas bergerak, khemah dan ruang solat yang lebih selesa kepada petugas barisan hadapan yang bertugas di pos kawalan berkenaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Turut hadir adalah Pengarah Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan, Jabatan Korporat dan Jabatan Perlesenan.



MKN LAKSANA PKPD KETUJUH DI SELAYANG BARU

MAJLIS Keselamatan Negara (MKN) telah mengadakan satu taklimat khusus kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor pada 25 April 2020 tentang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ketujuh yang membabitkan kawasan Selayang Baru.

Pada taklimat tersebut, MKN memaklumkan bahawa pelaksanaan PKPD di kawasan ini dilaksanakan untuk membendung

jangkitan Covid-19, setelah mengambil kira kebarangkalian jangkitan Covid-19 di Pasar Harian Kuala Lumpur dan Pasar Borong Kuala Lumpur.

PKPD ini telah dilaksanakan pada 25 April 2020 hingga 3 Mei 2020 melibatkan enam parcel iaitu Zon A (Jalan Indah 3 dan Jalan Indah 5A, Selayang Indah), Zon B (Jalan Indah 21, Lembah Indah, Selayang Baru), Zon C (Jalan Besar Selayang Baru, Jalan 1 dan Jalan Indah 21), Zon D (Jalan 3, 5, 7

dan 9), Zon E (Jalan 2, 4, 6 dan 8) dan Zon F (Blok A, B dan C, Selayang Makmur).

Bagi memastikan perintah berkenaan dilaksanakan sepenuhnya, kawalan telah dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) serta Majlis Perbandaran Selayang (MPS).



MPS BERI SUMBANGAN DI KAWASAN PKPD SELAYANG BARU

ATAS keprihatinan terhadap penduduk di kawasan Selayang Baru yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) pada 29 April 2020, beberapa pihak telah memberikan sumbangan keperluan harian bagi membantu meringankan

beban mereka sepanjang tempoh PKPD tersebut. Antara sumbangan yang diterima adalah daripada pihak Pasaraya Sri Ternak, Pasaraya NSK dan Ahli Majlis MPS Zon 7. Proses agihan sumbangan telah dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan

Masyarakat (JKM) dengan dibantu oleh petugas dari Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pejabat Tanah Daerah Gombak.





1 APRIL 2020
OPERASI BERSEPADU PEMATUHAN SOP PKP BERSAMA PDRM



2 APRIL 2020
**SANITASI AWAM
BERSAMA
JABATAN
BOMBA DAN
MPS**



22 APRIL 2020
**KPKT HULUR
SUMBANGAN
DALAM TEMPOH
PKP**



8 APRIL 2020
PENYERAHAN GERBANG NYAH KUMAN OLEH ADN RAWANG



22 APRIL 2020
**LAWATAN
YDP KE POS
KAWALAN
KESELAMATAN
PDRM DAN ATM**



8 APRIL 2020
**SERAHAN SUMBANGAN OLEH TN WAN ANWAR WAN
IBRAHIM | MANTAN AHLI MAJLIS MPS**



15 APRIL 2020
**SERAHAN SUMBANGAN KEPERLUAN
MAKANAN OLEH SYARIKAT SRI TERNAK**




8 APRIL 2020
**SERAHAN SUMBANGAN (PPE) DARI YB MUHAMMAD
HILMAN IDHAM | ADN GOMBAK SETIA**



29 APRIL 2020
SERAHAN BANTUAN MAKANAN KAWASAN PKPD SELAYANG BARU



8 APRIL 2020
OPERASI PEMUTIHAN PASAR BORONG



29 MAC 2020
SERAHAN SUMBANGAN PERALATAN DISINFEKSI DARIPADA TRACTMOTOR PART (M) SDN. BHD.



18 MAC - 14 APRIL 2020
AKTIVITI KAWALAN DAN PEMATUHAN SOP DI PASAR AWAM MPS




4 APRIL 2020
LAWATAN DATO' MB SELANGOR KE BILIK GERAKAN COVID-19 MPS



7 APRIL 2020
OPERASI SEMBURAN DISINFEKSI OLEH JKP ZON 12 DI TAMAN SELAYANG JAYA

Lensa COVID-19





JOM TUKAR KEPADA BIL DIGITAL

Tiada Cetakan dan Penghantaran
Bil Kertas Bermula

TAHUN 2021



Imbas untuk
kemaskini
maklumat

Apa perlu anda buat?

1

KEMASKINI

IMBAS QR KOD di
bil yang anda terima
bersama notis ini
atau layari
digitalbil.mps.gov.my
untuk kemaskini
profil peribadi dan
e-mel anda.

2

CABUTAN BERTUAH

**KEMASKINI
SEBELUM 31
OKTOBER 2020**
untuk memenangi
hadiah menarik
dalam ***cabutan
bertuah** yang akan
diadakan.

3

BANTUAN

HUBUNGI Jabatan
Perbendaharaan
(Bahagian Hasil) di
03-6126 5800
untuk pertanyaan
atau bantuan
pendaftaran.

* Tarikh cabutan dan hadiah cabutan bertuah akan dimaklumkan kemudian. Tertakluk kepada terma dan syarat. Layari www.mps.gov.my untuk maklumat lanjut berkaitan penamatan cetakan dan penghantaran bil cukai taksiran MPS melalui pos.